

## **KESIHATAN DAN KESELAMATAN MAKANAN: KESEDARAN PENGGUNA DAN PERUNTUKAN PERUNDANGAN**

*(Food Safety and Health: The Law and Consumer Awareness)*

*Shamsuddin Suhor*  
sudin@ukm.edu.my

*Sakina S.A. Yusoff*  
kinasay@ukm.edu.my

*Rahmah Ismail*  
irahmah@ukm.my

*Azimon Abdul Aziz*  
azimon@pkrisc.cc.ukm.my

*Muhammad Rizal Razman*  
noryn@ukm.edu.my

*Kartini Aboo Talib @ Khalid*  
k\_khalid@ukm.edu.my

Fakulti Undang-undang  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA.  
Tel.: +603-89216690.

### **Abstrak**

Ruang lingkup perundangan kesihatan persekitaran manusia secara umumnya memperkatakan hubungan antara manusia dengan persekitarannya dan ini antara lainnya termasuklah memperundangan perkara berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan diri setiap orang. Setiap orang merupakan pengguna dan harus diberikan perlindungan. Tiga perkara yang diberikan tumpuan dalam makalah ini ialah makanan, pengendali makanan dan premis makan. Kajian ini mendapati bahawa perkara mengenai makanan, pengendali makanan dan premis makanan telah diperundangan dengan harapan, kebersihan, kesihatan dan keselamatan setiap pengguna terjamin. Pada masa yang sama keadaan ini dapat mewujudkan keseragaman gaya

hidup seharian setiap orang dan membudayakan amalan baik dalam kehidupan. Tiga perkara yang diperundangan itu tidak bertujuan untuk menimbulkan masalah, menyekat aktiviti ekonomi atau mengikat kebebasan manusia membuat pilihan, tetapi bertujuan mewujudkan persekitaran yang bersih, sihat dan selamat untuk pengguna. Selain itu, dapat menimbulkan kesedaran tentang hak seseorang selaku pengguna di samping memahami erti kesejahteraan hidup.

Kata kunci: pengguna, premis makanan, kandungan makanan, pengendali makanan, perundangan makanan

### ***Abstract***

*The scope of human environmental health laws generally talks about the relationship between human beings and their health environment which amongst others cover enacting laws relating to health and personal safety of an individual. Every individual is a consumer and should be protected. This article focuses on three areas which are food, food handlers and food premises. This research found out that areas relating to food, food handlers and food premises have been legislated with the hope that cleanliness, health and safety of every consumer are guaranteed and at the same time these laws are able to create uniformity in daily way of life of an individual and able to cultivate good practices in their life. The three areas that are legislated are not intended to create problems or hinder economic activities or tie up human freedom in making choices but rather to create clean, healthy and safe environment to consumers and to inculcate awareness about individual's rights as a consumer besides understanding the meaning of peaceful life.*

*Keywords: consumer, food premises, food contents, food handlers, food legislation*

## **PENDAHULUAN**

Penyakit merupakan satu daripada punca yang membawa kematian kepada manusia. Penyakit terbahagi kepada dua, iaitu yang berjangkit dan yang tidak berjangkit. Timbulnya penyakit mempunyai kaitan dengan makan, makanan dan pemakanan. Makalah ini bertujuan untuk memaklumkan khalayak mengenai undang-undang berkaitan makanan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa di Malaysia. Walau bagaimanapun makalah ini tidak menyentuh keberkesanan undang-undang berkenaan sama ada dari segi pemakaian, pelaksanaan atau penguatkuasaan. Makalah ini memaparkan kepada pengguna terhadap undang-undang yang melindungi kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan orang ramai termasuk hak mereka dalam hal ini.

Kajian terhadap perundangan kesihatan persekitaran manusia berkaitan makanan memberikan tumpuan kepada tiga perkara, iaitu undang-undang berkaitan dengan kandungan dalam makanan, premis menjual makanan dan pengendali makanan. Perkara yang tidak disentuh secara langsung dalam perlindungan makanan, iaitu hal yang melibatkan penyimpanan, pembungkusan, penghidangan dan mempamerkan makanan.<sup>1</sup>

## PERUNDANGAN BERKAITAN MAKANAN

Semua undang-undang bertulis yang terdapat di Malaysia bermula sebelum merdeka sehingga kini telah dikumpulkan dan terdapat hampir 759 buah perundangan persekutuan (Akta) yang diluluskan oleh parlimen sehingga Mac 2013. Daripada jumlah tersebut, undang-undang bertulis yang khusus berkaitan alam sekitar sama ada secara langsung atau tidak langsung telah dikenal pasti, dipilih dan dikumpulkan. Kajian mendapati terdapat hampir 50 buah akta yang berkaitan dengan alam sekitar. Daripada jumlah tersebut hanya sebahagian kecil sahaja daripada perundangan ini berkaitan dengan alam sekitar yang melibatkan bidang kesihatan persekitaran khususnya dalam bidang makanan.

Memandangkan ruang lingkup atau skop perundangan kesihatan persekitaran itu sangat luas yang melibatkan perkara seperti makanan dan minuman, perumahan dan tempat tinggal, persekitaran kawasan tempat tinggal, bangunan, kemudahan awam dan kesihatan masyarakat maka hanya satu bidang yang menjadi tumpuan penelitian, iaitu undang-undang berkaitan makanan.<sup>2</sup> Daripada sejumlah perundangan berkaitan kesihatan persekitaran terdapat sebahagian kecil sahaja akta yang diluluskan oleh parlimen berkaitan dengan makanan. Contohnya, perundangan berkaitan makanan yang melibatkan kandungan makanan disebut dalam Akta Makanan 1983, undang-undang berkaitan tempat makan, premis makanan atau *establisymen* makanan terdapat di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan undang-undang berkaitan penyediaan, pengendali atau penjual makanan terdapat dalam kedua-dua akta berkenaan.

Kajian fasa pertama yang dilakukan ini tidak melihat kepada kesan atau keberkesanan pemakaian, pelaksanaan dan penguatkuasaan perundangan yang sedia ada, sebaliknya memaklumkan kepada orang ramai khususnya pengguna bahawa terdapat banyak peraturan yang dibuat oleh pihak berkuasa berkenaan dengan cara menjalani kehidupan seharian, gaya hidup dan

1 Bahagian ini disebut dengan jelas dalam Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, Bab 2- Perlindungan Makanan Peraturan-Peraturan 35-Pengendali makanan, perkakas; 36-penyediaan, pembungkusan dan penghidangan makanan; 37-penyimpanan, pendedahan atau pameran makanan untuk dijual; dan 38-penyimpanan makanan.

2 Neil Hawke, 1995. *Environmental Health Law*. London: Sweet & Maxwell, pernah menggariskan bidang-bidang yang dikatakan termasuk di bawah kesihatan persekitaran.

amalan terbaik dalam urusan berkaitan dengan makan, makanan, tempat makan dan cara pengendalian makanan dalam usaha untuk memberikan kesedaran terhadap kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan manusia. Secara umumnya antara undang-undang utama yang mempunyai kaitan sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan makanan di Malaysia adalah seperti dalam jadual 1 di bawah. Tujuan setiap Akta berkenaan tidak menggambarkan kaitannya dengan makanan. Walau bagaimanapun, hal ini tidaklah bermakna tiada kaitan langsung antara kedua-duanya. Sebagai contoh, mukadimah Akta Racun dan Makhluk Perosak 1974 (Akta 149) memperuntukkan kawalan racun makhluk perosak. Peruntukan seterusnya dalam Bahagian V, Akta 148 berkenaan menyebut tentang kawalan racun makhluk perosak dalam makanan. Bahagian ini menyatakan bahawa di bawah seksyen 25 mana-mana orang yang menjual makanan yang tercemar (*Section 25. Offence of selling contaminated food - A person who sells any contaminated food commits an offence*) merupakan satu kesalahan. Begitu juga dalam Kanun Keseksan yang memperuntukkan kesalahan jenayah di negara ini, tetapi dalam seksyen 273 menyebutkan bahawa menjual makanan atau minuman yang berbahaya atau tidak layak dimakan oleh manusia adalah melakukan suatu kesalahan.

Yang berikut merupakan statut berkaitan makanan:

**Jadual 1** Statut berkaitan makanan.

No	Nama Akta	Tujuan
1	Akta Makanan 1983 (Akta 281) <i>Food Act 1983 (Act 218)</i>	Suatu Akta bagi melindungi orang ramai terhadap bahaya dari segi kesihatan dan penipuan pada penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan dan mengenai perkara-perkara yang bersampingan dengannya.
2	Akta Biokeselamatan 2007 (Akta 678) <i>Biosafety Act 2007 (Act 678)</i>	Suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan; untuk mengawal selia pelepasan, pengimportan, pengeksporan dan kegunaan terkawal organisma diubah suai yang hidup, dan pelepasan hasil organisma sedemikian, dengan tujuan melindungi kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan kepelbagaian biologi, dan jika terdapat ancaman kerosakan yang tidak dapat dikembalikan seperti sedia kala, kekurangan bukti saintifik yang sepenuhnya tidak boleh dijadikan sebab untuk tidak mengambil tindakan untuk mencegah kerosakan itu; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

No	Nama Akta	Tujuan
3	Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) <i>Dangerous Drug Act 1952 (Act 234)</i>	Suatu Akta bagi membuat peruntukan yang selanjutnya dan lebih baik bagi peruntukan pengimportan, eksport, pengilangan, jualan, dan penggunaan candu dan lain-lain bahan dan dadah berbahaya, dan membuat peruntukan khas berkaitan bidang kuasa mahkamah bagi kesalahan-kesalahan tertentu dan perbicaraan, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
4	Akta Jualan Dadah 1952 (Akta 368) <i>Sales of Drugs Act 1952 (Act 368)</i>	Suatu Akta berkaitan dengan jualan dadah.
5	Akta Kawalan Bekalan 1961 (Disemak 1973) (Akta 122) <i>Control of Supplies Act 1961 (Revised-1973) (Act 122)</i>	Suatu Akta yang memperuntukkan kawalan dan catuan bekalan. Penjualan barangan makanan atau bahan yang dijadikan barangan kawalan hendaklah dijual tertakluk pada lesen dan peraturan yang ditetapkan.
6	Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) <i>Price Control and Antiprofitteering.</i>	Suatu Akta yang mengawal harga barangan dan caj bagi perkhidmatan dan melarang pencatutan; dan mengadakan peruntukan mengenai perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.
7	Akta Perlindungan Pengguna 1999 (Akta 599) <i>Consumer Protection Act 1999 (Act 599)</i>	Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pengguna, penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara dan Tribunal Tuntutan Pengguna, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
8	Akta Perihal Dagang 1972 (Akta 87) <i>Trade Descriptions Act 1972 (Act 87).</i>  Akta ini telah digantikan dengan Akta baharu, iaitu Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730) (lihat Akta yang berikutnya)	Suatu Akta untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan cap barang dagangan dengan peruntukan baharu yang melarang salah perihal mengenai barang-barang, yang diadakan dalam perjalanan perdagangan dan petunjuk yang palsu atau yang mengelirukan tentang harga barang-barang; memberi kuasa untuk memberikan erti bagi apa-apa ungkapan atau petunjuk yang digunakan berhubung dengan harga barang-barang, caj atau kadar bagi perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan dan untuk mengawal selia, mengawal atau melarang penggunaan ungkapan atau petunjuk itu dalam perjalanan sesuatu perdagangan atau perniagaan; untuk melarang membuat pernyataan yang palsu atau mengelirukan tentang apa-apa perkhidmatan, tempat tinggal atau kemudahan yang diadakan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan; memberi kuasa untuk menghendaki maklumat atau arahan yang berhubungan dengan barang-barang supaya dicapkan pada atau supaya disertakan dengan barang-barang itu atau supaya dimasukkan ke dalam iklan; dan bagi maksud yang berkaitan.

<b>No</b>	<b>Nama Akta</b>	<b>Tujuan</b>
9.	Akta Perihal Dagangan 2011 (Akta 730) <i>Trade Description Act 2011 (Act 730)</i>	Suatu Akta bagi maksud untuk menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu dan pernyataan, pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan berhubung dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan serta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya.
10.	Akta Pelesenan Tenaga Atom 1984 (Akta 304) <i>Atomic Energy Licensing Act 1984 (Act 304)</i>	Suatu Akta bagi mengadakan peruntukan mengenai kawal selia dan kawalan tenaga atom, mengenai penetapan standard-standard mengenai liabiliti terhadap kerosakan nuklear dan mengenai perkara-perkara berkaitan atau berhubung dengannya
11.	Akta Racun 1952 (Akta 366) <i>Poisons Act 1952 (Act 366)</i>	Suatu Akta bagi mengawal pengimportan, pemilikan, pengilangan, penyimpanan, pengangkutan, penjualan dan penggunaan racun.
12.	Akta Racun dan Makhluk Perosak 1974 (Akta 149) <i>Pesticides Act 1974 (Act 149)</i>	Suatu Akta untuk mengawal racun makhluk perosak.
13.	Kanun Keseksaan (Akta 574) <i>Penal Code (Act 574)</i>	Suatu Akta berkaitan dengan kesalahan jenayah.
14.	Akta ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 (Akta 290) <i>Medicines (Advertisement and Sale Act 1956 (Act 290)</i>	Suatu Akta bagi melarang pengiklanan berkaitan perkara-perkara perubatan dan membuat peraturan mengenai penjualan bahan-bahan yang dicadangkan sebagai ubat.
15.	Akta Rumah Sembelihan (Penswastaan) 1993 (Akta 507) <i>Abattoirs (Privatization) Act 1993 (Act 507)</i>	Suatu Akta bagi pengendalian rumah sembelihan persendirian dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

## UNDANG-UNDANG BERKAITAN KANDUNGAN MAKANAN

Manusia dianggarkan memerlukan secara purata kira-kira 2 kilogram makanan,<sup>3</sup> 3 kilogram air dan 15 kilogram udara sehari.<sup>4</sup> Tubuh badan yang sihat bergantung pada penjagaan kesihatan seperti kebersihan diri dan persekitarannya yang bersih. Kesihatan diri juga dipengaruhi oleh makanan dan pemakanan seseorang itu. Makanan yang dimakan pula bergantung pada jenis, jumlah, kandungan dan mutunya yang diukur dari sudut kebersihan dan kesihatan. Kebersihan makanan diukur dari segi kandungan, pembekalan dan penyediaan bagi memastikannya selamat dimakan.

Kandungan makanan (atau bahan-bahan yang dicampurkan dalam makanan) telah diperundangan. Perundangan berkaitan dengan makanan termasuklah Akta Makanan 1983 (Akta 281);<sup>5</sup> melalui Peraturan-Peraturan Makanan 1985; Kanun Keseksaan (Akta 574); Akta Racun Dan Makhluk Perosak 1974 (Akta 149)<sup>6</sup> ; dan Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234).

Perbuatan mencampurkan bahan makanan dengan bahan-bahan yang boleh memudaratkan kesihatan orang ramai merupakan suatu kesalahan. Konsep pencemaran dalam makanan yang dimaksudkan meliputi juga penyalahgunaan bahan-bahan tambahan kimia oleh pengguna-pengguna dalam industri makanan, walaupun jika digunakan mengikut panduan, biasanya menghasilkan faedah dan keuntungan kepada manusia.<sup>7</sup>

Undang-undang menetapkan bahawa menjadi suatu kesalahan sekiranya didapati makanan itu:

### i. mengandungi bahan yang memudaratkan kesihatan;<sup>8</sup>

- 3 Menurut Akta 281, "makanan" - meliputi setiap barang yang dikilang, dijual atau diberi gambaran untuk digunakan sebagai makanan atau minuman untuk kegunaan manusia atau yang masuk pada atau digunakan dalam campuran, penyediaan, pengawetan, apa-apa makanan atau minuman dan meliputi gula-gula, benda-benda kunyahan dan apa-apa ramuan bagi makanan, minuman, gula-gula atau benda-benda kunyahan itu;
- 4 P. Pratapa Mowli, N. Venkata Subbaya, 1989. "Air Pollution And Control" dlm. *Geo-Environ Academia* hlm. 1. Divyayoti Prakashan, India.
- 5 Tujuan Akta 281 ini lebih mengkhusus dan terarah kepada keselamatan makanan. Perkara penting yang disentuh oleh Akta 281 ini tertumpu pada kawalan dan perlindungan seperti:
  - i. kawalan terhadap kandungan makanan yang dimakan;
  - ii. kawalan terhadap premis atau tempat makanan;
  - iii. kawalan terhadap pengusaha makanan;
  - iv. perlindungan terhadap pengguna;
  - v. pelabelan; dan
  - vi. pengiklanan.
- 6 Akta Racun dan Makhluk Perosak 1974 (Akta 145) Seksyen 25. Kesalahan menjual makanan tercemar. Mana-mana orang yang menjual apa-apa makanan tercemar adalah melakukan suatu kesalahan (Pesticides Act 1974 (Act 145) , *Section 25 "Offence of selling contaminated food - A person who sells any contaminated food commits an offence."*)
- 7 Lihat Abdul Salam Babji, 1987. "Pencemaran dalam Makanan" dlm. Ahmad Badri Mohamad (pynt.) *Perspektif Persekitaran*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti, hlm 14.
- 8 Adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta 281 ini bagi mana-mana orang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada dalam atau padanya apa-apa bahan yang beracun, merosakkan atau selainnya memudaratkan kesihatan (s.13(1)).

- ii. makanan yang tidak sesuai dimakan oleh manusia;<sup>9</sup>
- iii. makanan yang diadukkan.<sup>10</sup>

## KESALAHAN TERHADAP KANDUNGAN MAKANAN

### Kandungan Makanan

Kanun Keseksaan (Akta 574) melalui beberapa seksyen tertentu menetapkan perbuatan-perbuatan tertentu sebagai suatu kesalahan jenayah antaranya termasuklah seksyen 272 yang memperuntukkan mana-mana orang yang mencampurkan apa-apa barang makanan atau minuman dengan benda yang kurang baik hingga menjadikan barang itu berbahaya sebagai makanan atau minuman, dengan maksud menjual barang itu sebagai makanan atau minuman, atau dengan mengetahui mungkin bahawa barang tersebut akan dijual sebagai makanan atau minuman, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh

- 9 Seksyen 13A(1) - mana-mana orang yang menyediakan atau menjual apa-apa makanan, sama ada dikilangkan atau tidak, yang mengandungi keseluruhannya atau sebahagiannya:
- (a) apa-apa bahan binatang atau sayuran yang berpenyakit, kotor, reput atau bangar (busuk);
  - (b) apa-apa bahagian binatang yang tidak sesuai untuk dijadikan makanan; atau
  - (c) hasil binatang yang sudah mati selain kerana disembelih atau sebagai binatang buruan.
- 10 Pengertian kepada “makanan yang diadukkan” diberikan penjelasan oleh s. 13B (2) – apa-apa makanan hendaklah disifatkan sebagai diadukkan jika:
- (a) makanan itu mengandungi atau dicampurkan atau dicairkan dengan apa-apa bahan yang dengan apa-apa jua cara menyusutkan sifat pemakanannya atau sifat-sifatnya yang lain yang berfaedah berbanding dengan makanan itu dalam keadaan tulen, biasa atau tertentu dan dalam keadaan tidak merosot dan baik, atau yang dengan apa-apa jua cara lain mendatangkan atau mungkin mendatangkan mudarat atau kerugian kepada pembeli atau pengguna;
  - (b) apa-apa bahan atau ramuan telah dikeluarkan, kesemuanya atau sebahagiannya atau ditinggalkan, daripada makanan itu dan oleh sebab pengeluaran atau peninggalan itu, sifat pemakanan atau sifat-sifat lain yang berfaedah dalam makanan itu adalah kurang daripada sifat-sifat makanan itu dalam keadaannya yang tertentu, atau makanan itu mendatangkan atau mungkin mendatangkan mudarat atau kerugian kepada pembeli atau pengguna;
  - (c) makanan itu mengandungi atau dicampurkan atau dicairkan dengan apa-apa bahan yang nilai perdagangannya lebih rendah daripada nilai makanan itu dalam keadaan yang tulen, biasa atau tertentu dan dalam keadaan tidak merosot dan baik;
  - (d) makanan itu mengandungi apa-apa bahan yang penambahannya tidak dibenarkan oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
  - (e) makanan itu tidak mematuhi standard atau spesifikasi yang ditetapkan oleh mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
  - (f) makanan itu mengandungi apa-apa bahan yang bahagiannya adalah lebih besar daripada bahagian yang dibenarkan oleh Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
  - (g) makanan itu dicampurkan, diwarnakan, diserbukkan, disalutkan, digandamkan, disediakan atau selainnya dipperlakukan dengan suatu cara yang membolehkan kerosakan atau kerendahan mutunya disembunyikan; atau
  - (h) makanan itu terkandung dalam suatu bungkusan, dan kandungan bungkusan itu sebagaimana yang dibungkus pada asalnya telah dikeluarkan kesemuanya atau sebahagiannya dan kandungan lain telah diletakkan di dalam bungkusan itu.

yang boleh sampai enam bulan, atau dengan denda yang boleh sampai dua ribu ringgit, atau kedua-duanya.

Seterusnya seksyen 273 pula memperuntukkan sesiapa yang menjual, atau menawarkan atau menunjukkan untuk jualan, sebagai makanan atau minuman, apa-apa barang yang telah dijadikan atau menjadi berbahaya, atau yang berada dalam keadaan yang tidak layak untuk makanan atau minuman, dengan mengetahui atau dengan ada sebab mempercayai bahawa kandungannya adalah berbahaya sebagai makanan dan minuman, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai enam bulan, atau dengan denda yang boleh sampai dua ribu ringgit, atau kedua-duanya.

Selain Kanun Keseksaan Akta Makanan 1983 menyebutkan beberapa kesalahan yang melibatkan penjualan makanan yang bukan daripada jenis, bahan atau kualiti yang diminta seperti yang disebut dalam seksyen kecil 14(1) Akta 281, iaitu menjadi suatu kesalahan sekiranya mana-mana orang yang menjual apa-apa makanan yang bukannya daripada jenis, atau bukannya daripada bahan atau bukannya daripada kualiti (sebagaimana dinyatakan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya) bagi makanan yang diminta oleh pembeli.

Dalam hal ini undang-undang telah menetapkan bahawa permintaan yang dibuat oleh pembeli adalah dengan andaian bahawa makanan yang diminta itu adalah seperti yang telah ditetapkan standardnya, komposisinya atau tidak dibuat sebarang perubahan atau pindaan apa-apa bahan kepada makanan itu. Menawarkan sesuatu makanan yang tidak menepati standard, komposisi sebagaimana yang diminta oleh pengguna merupakan suatu kesalahan berdasarkan kepada seksyen ini. Sebagai contoh, air minuman yang ditawarkan kepada pengguna dikatakan mengandungi vitamin tertentu sedangkan kajian yang dilakukan terhadap contoh air minuman itu tidak menunjukkan kehadiran vitamin yang dimaksudkan.

### **Kesalahan Pelabelan**

Akta Makanan 1983 ada menyebutkan dua seksyen yang menyentuh mengenai kesalahan yang melibatkan pelabelan. Pertama, menurut seksyen 15 Akta ini jika suatu standard telah ditetapkan bagi apa-apa makanan, maka standard itu hendaklah dinyatakan oleh orang yang membungkus, melabel atau mengiklankannya. Sekiranya makanan yang disediakan itu tidak menepati standard atau menyebabkan standard makanan itu dikelirukan, orang itu atau perbuatan sedemikian itu dikira telah melakukan suatu kesalahan.

Seksyen 16 Akta ini pula menyebutkan tentang perbuatan memalsukan label atau pelabelan palsu. Menurut seksyen ini, mana-mana orang yang menyedia, membungkus, melabel atau menjual apa-apa makanan dengan cara yang palsu, mengelirukan atau memperdayakan berkenaan dengan sifat,

jenis, nilai, bahan, kualiti, komposisi, merit atau keselamatan, kekuatan, ketulenan, berat, asal usul, lama atau bahagian kandungannya atau bersalahan dengan mana-mana peraturan adalah melakukan suatu kesalahan.<sup>11</sup>

### **Kesalahan mengenai Pengiklanan<sup>12</sup>**

Memperkenalkan sesuatu produk atau keluaran baharu kepada orang ramai digalakkan dalam sistem urus niaga. Namun, orang ramai perlu diberitahu segala perkara berhubung dengan keluaran berkenaan. Maklumat yang disampaikan kepada pengguna mestilah jelas, tepat dan jujur. Perbuatan pengeluar, pengilang atau penjual, pengendali atau mana-mana pihak yang mempromosikan jualan ini dikawal oleh undang-undang. Menurut seksyen 17 Akta Makanan 1983, mana-mana orang yang menyiarkan atau menyebabkan disiarkan apa-apa iklan berhubung dengan makanan atau apa-apa ramuan atau jujuk adalah melakukan suatu kesalahan jika apa yang diiklankan itu berlawanan dengan peruntukan peraturan, tidak menepati kehendak peraturan atau menyembunyikan sesuatu maklumat atau mungkin memperdayakan mana-mana pembeli. Hal ini juga merupakan suatu langkah perlindungan kepada pengguna.

## **UNDANG-UNDANG BERKAITAN PREMIS MAKAN**

Perundangan yang diluluskan berkaitan dengan premis makanan terdapat dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976. Menurut Akta ini pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen-seksyen 73, 102 dan 102A Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Bandaraya, Perbandaran atau Daerah membuat apa-apa peraturan, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut juga, biasanya Pihak Berkuasa Negeri akan mengesahkan undang-undang kecil yang dibuat berhubung dengan perkara-perkara tertentu mengikut keperluan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan. Sebahagian daripada undang-undang kecil yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan dengan premis atau kedai makan termasuklah:

---

11 Sila lihat Codex Alimentarius, 2007. *Food Labeling*. 5th Ed. Rome: World Health Organization, Food and Agriculture Organization of the United Nations.; Malaysian Dietary Guidelines, 2010, Key message 14: Make Use of Nutrition Information on Food labels, Ministry of Health, Malaysia; *Guide to Nutrition Labeling and Claims*, 2010, Putrajaya: Ministry of Health, Malaysia.

12 Kesalahan mengenai pengiklanan disebut dalam Akta Makanan 1983 yang bertujuan mengelakkan penipuan dan juga di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 yang bertujuan untuk menggalakkan amalan perdagangan yang baik dengan melarang perihal dagangan palsu dan pernyataan, pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan berhubung dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan. Lihat Akta Perihal Dagangan 2011, seksyen-seksyen 5 (larangan perihal dagangan palsu), 7(perihal dagangan palsu) dan 8 (larangan perihal dagangan palsu berhubung dengan cap dagangan).

Undang-Undang Kecil Establisymen<sup>13</sup> Makanan.

Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan.

Undang-Undang Kecil Pengendalian Makanan.

Undang-Undang Kecil Penjaja.

Undang-Undang Kecil Kawalan dan Penyeliaan Tempat-Tempat Makan.

Undang-Undang Kecil Tred Perniagaan dan Perindustrian.

Selain peruntukan yang terdapat di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Makanan 1983 melalui Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 turut menyentuh mengenai perjalanan dan penyelenggaraan premis makanan tentang kehendak-kehendak am dan khusus bagi sesebuah premis makanan.

Perkara umum yang diberikan perhatian oleh perundangan termasuklah tapak premis makanan, lesen perniagaan bagi tapak premis, keadaan struktur premis dalam dan luar serta pengurusan sampah sarap di dalam dan di luar persekitaran kawasan premis.<sup>14</sup>

## Tapak Premis Makanan

Peruntukan undang-undang mengenai premis makanan ini juga disebut sebagai *establisymen* makanan dan biasanya melibatkan beberapa perkara asas, seperti tapak atau lokasi premis berkenaan. Seksyen 72(1)(b) Akta Kerajaan Tempatan 1976 memperuntukkan bahawa pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa untuk menubuhkan, mendirikan, menyenggara, menyewakan, mengawal dan menguruskan pasar dan bangunan pasar, rumah tumpangan, rumah bilik

13 “Establisymen makanan” ertinya mana-mana tempat atau premis makanan disediakan, dikilang, diproses, dibungkus, ditin, dibotol atau distor untuk dijual sebagai makanan manusia dan termasuklah kedai makan, kilang roti, tempat tenusu dan mana-mana tempat makanan dihidangkan, dijual atau dipamerkan untuk jualan bagi makanan manusia dan termasuklah kedai masak bagi sebarang makanan atau adunan makanan disediakan atau dimasak untuk dijual tetapi tidak dimakan di premis berkenaan atau apa-apa jua aktiviti yang dinyatakan dalam Jadual Kedua; kedai makan” ertinya mana-mana tempat atau premis sama ada tetap atau sementara di tempat makanan dijual untuk dimakan di tempat atau di premis tersebut sama ada disediakan di situ atau tidak dan ini termasuklah restoran, kedai kopi, kedai ais krim dan bar; “tempat makan” ertinya mana-mana tempat makanan disediakan sama ada dikilang, dibungkus, ditinkan, dibotolkan, distor, dijual atau didedahkan untuk jualan bagi kegunaan manusia.

14 Sila lihat Shamsuddin Suhor, Sakina S.A. Yusoff, Rahmah Ismail, Azimon Abdul Aziz, Kartini Aboo Talib @ Khalid, Muhammad Rizal Razman, 2012. “Kedai Makan dan Perundangan Kesihatan Persekitaran: Kawalan Perundangan Sebagai Suatu Peringatan Umum kepada Amalan Makan di Kedai”. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar, Kali ke-3, Anjuran Jabatan Geografi, Fakulti Sains Sosial, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan, 8-10 Februari 2011; sila lihat Shamsuddin Suhor, Sakina S.A. Yusoff, Rahmah Ismail, Azimon Abdul Aziz, Kartini Aboo Talib @ Khalid, Muhammad Rizal Razman, “Undang-Undang dan Tempat Makan: Perundangan yang Diabaikan Pengguna.” dlm (2012)1 My.Consum.LJ, hlm. 127.

atau bangunan yang disenggara bagi tempat makan minum orang ramai, kedai, gerai dan sanggar, dan mengawal berkenaan dengan penghunian dan penggunaannya.

### **Pelesenan Premis**

Semua kedai makan mesti memiliki lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Suatu kesalahan bagi mana-mana peniaga yang berniaga tanpa memiliki lesen perniagaan yang sah. Contohnya, Akta Kerajaan Tempatan 1976, s.72(1)(c) memperuntukkan kuasa untuk melesenkan bangunan sementara, gerai, meja dan di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007, Undang-Undang Kecil 3(1) dinyatakan bahawa tiada seorang pun boleh menjalankan apa-apa aktiviti *establisymen* makanan atau menggunakan suatu tempat atau premis dalam kawasan Majlis bagi apa-apa aktiviti *establisymen* makanan tanpa satu lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen.

### **Keadaan Struktur Fizikal**

Keadaan struktur fizikal premis dan susun atur serta kesesuaian bangunan yang dijadikan kedai makan serta bahagian kemasan dalaman turut diberikan perhatian oleh undang-undang. Undang-undang kecil yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan biasanya akan mengambil kira juga perkara-perkara, seperti keadaan fizikal bangunan tempat makan, kemasan dinding, jenis lantai, bilik stor dan kemudahan stor penyimpanan lain, pencahayaan dan pengalihudaraan.

### **Persekitaran Luaran dan Longkang**

Keadaan di sekeliling premis turut diperundangan, sebagai contoh, Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007, Undang-Undang Kecil 14(4) memperuntukkan longkang hendaklah dibina dengan bata yang disapu dengan simen jenis baik dan dengan dasarnya separuh bulat, atau dibuat dengan paip belah dua daripada tembikar bergilap dan garis pusatnya tidak kurang daripada lima belas sentimeter dan hendaklah cukup bilangan serta gradiennya untuk mengalirkan air dan cecair yang lain. Semua pemegang lesen premis makanan hendaklah menyebabkan lantai premis yang berlesen dibasuh dan dibersihkan sekurang-kurangnya sekali setiap hari dan dinding-dindingnya hendaklah berada dalam keadaan yang bersih.

## **Pengurusan Sampah Sarap**

Kebersihan di dalam dan di luar premis, dan pengurusan sampah-sarap merupakan suatu perkara umum yang sentiasa disentuh dalam setiap undang-undang kecil yang berkaitan dengan premis. Sebagai contoh, pemegang lesen mana-mana premis makanan hendaklah menyebabkan semua sampah dikumpulkan dan diletakkan di dalam bekas yang bertutup yang diadakan untuk tujuan tersebut, dan hendaklah menyebabkan bekas tersebut dikosongkan dan dibersihkan selalu jika perlu supaya premis itu berada dalam keadaan bersih dan baik, sekurang-kurangnya sekali sehari dan ini termasuklah mengenai mengadakan tong sampah, sampah pepejal basah dan pembuangan sampah seperti yang disebut dalam Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007.

## **Kemudahan Asas Premis**

Kemudahan asas seperti bekalan air bersih, kemudahan kebersihan untuk kegunaan pengguna/pelanggan; keselamatan pekerja dan pengguna; pencemaran efluen dan kumbahan adalah terikat dengan undang-undang.

Di sini jelas menunjukkan bahawa kawalan yang dibuat terhadap premis makanan telah sedia ada dan pengguna harus peka terhadap perkara berkenaan. Tujuan mengadakan kawalan terhadap premis ini adalah bagi menjamin kesihatan, keselamatan pengguna atau pelanggan dan kebersihan alam sekitar.

## **UNDANG-UNDANG BERKAITAN DENGAN PENYEDIAAN DAN PENGENDALIAN MAKANAN**

### **Pengendali Makanan**

Penyediaan makanan turut diperundangan.<sup>15</sup> Pengendali disebut di bawah Akta Makanan 1983 melalui peruntukan undang-undang kecil, iaitu Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 dan juga Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang melibatkan undang-undang kecil yang berkenaan. Penyediaan makanan dalam konteks kajian ini merujuk pengendali makanan, iaitu orang yang terlibat secara langsung dalam pembuatan makanan dan penyediaan makanan. Pengendali makanan termasuklah orang yang menjual atau penjual, pelayan di premis makanan dan tukang masak. Terdapat undang-undang dan peraturan umum yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa

<sup>15</sup> Terdapat undang-undang kecil yang khusus berkaitan dengan pengendali makanan. Contohnya Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007 dan Food Handlers (Federal Territory of Putrajaya) By-Laws 2003. Makalah ini hanya merujuk Undang-undang Kecil Majlis Daerah Sabak Bernam sahaja sebagai contoh dan bahan perbincangan.

Tempatan berkaitan dengan penyediaan makanan. Kini semua pengendali makanan terikat dengan peraturan yang dibuat sama ada di bawah Pihak Berkuasa Tempatan atau di bawah Kementerian Kesihatan. Tujuan undang-undang ini dikenakan kepada pengendali makanan adalah sebagai kawalan untuk menjamin keselamatan orang ramai berkaitan dengan makanan yang ditawarkan kepada pengguna.

## **Kebersihan Pengendali Makanan**

Peniaga, pekerja atau pemilik kedai makan merupakan perkara penting yang harus diberikan perhatian oleh orang ramai sebagai pengguna. Terdapat peraturan umum yang jelas menyebutkan tentang kebersihan diri,<sup>16</sup> tubuh badan,<sup>17</sup> tingkah laku dan cara berpakaian (kemas dan bersih setiap hari), seperti mana contoh yang terdapat dalam Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007, seperti yang berikut:

8(1). Setiap orang yang terlibat dalam jualan atau persediaan untuk jualan makanan hendaklah bila ia terlibat sedemikian menyenggara pakaiannya dan badannya dalam keadaan bersih;

8(2) Setiap orang yang terlibat dalam jualan atau persediaan untuk jualan makanan hendaklah, pada setiap kali—

- (a) sebelum memulakan jualan atau persediaan itu;
- (b) selepas keluar dari tandas, bilik air atau apa-apa tempat kemudahan lain; atau
- (c) selepas menyentuh atau memegang apa-apa benda atau permukaan atau tubuh yang tidak bersih, membasuh tangan sebersih-bersihnya dengan sabun dan air bersih.

8(3) Tiada seorang boleh meludah, membuang hingus, merokok atau menggunakan tembakau atau bahan sedutan atau mana-mana persediaan lain atau mengunyah daun sirih atau pinang semasa terlibat dalam jualan atau persediaan bagi jualan apa-apa makanan.

---

16 Amalan kebersihan diri: (a) Mencuci tangan setiap kali sebelum memulakan kerja dan selepas ke tandas; (b) Memakai pakaian bersih; (c) Pakai apron dan tudung kepala berwarna putih dan bersih. Apron dan tudung kepala hendaklah dicuci dan rendam dalam air panas/larutan klorin pada setiap hari; (d) Perlu tanggalkan apron dan tudung kepala sebelum ke tandas; (e) Tidak menjilat jari atau mengorek hidung dan telinga; (f) Tidak batuk atau bersin ke arah makanan; (g) Tidak merokok di dalam premis; (h) Pengendali makanan tidak dibenarkan memegang duit; (i) Tidak bercakap semasa penyediaan makanan.

17 Pekerja kelihatan sihat: (a) Setiap pekerja dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan sebelum diambil bekerja; (b) Semua pekerja perlu menjalani pemeriksaan kesihatan tahunan dan disuntikkan Typhim Vi setiap 3 tahun; (c) Tiada tanda-tanda infeksi pada tangan, jari, kulit, "nasal discharge" dan sejarah cirit-birit; (d) Tidak berkuku panjang dan rambut perlu sentiasa dalam keadaan kemas.

8(4) Tiada seorang pun yang luka atau melelas kulit pada mana-mana tangan atau jarinya boleh terlibat dalam jualan atau persediaan bagi jualan makanan melainkan jika luka atau kulit yang melelas itu dibalut rapi dengan pembalut kalis air.

8(5) Setiap orang hendaklah setiap masa memakai apron dan penutup kepala semasa jualan atau persediaan bagi penjualan apa-apa makanan dan hendaklah memastikan apron dan penutup kepala tersebut dalam keadaan bersih pada setiap masa.

Larangan undang-undang terhadap mana-mana orang/pengendali makanan termasuklah:<sup>18</sup>(1)menghidap apa-apa penyakit yang merebak; atau

1. membawa apa-apa penyakit berjangkit; atau
2. menghidap apa-apa jua keadaan menyebabkan keluarnya nanah atau serum dari mana-mana bahagian badan atau penyakit kulit lain;atau
3. mempunyai sebab untuk mempercayai atau mengesyaki bahawa ia berkemungkinan menyebarkan organisma yang membiakkan penyakit; atau
4. ada membuat perhubungan dengan mana-mana orang yang menghidap penyakit yang merebak; dan
5. tidak mendapatkan imunisasi demam kepialu dan apa-apa penyakit yang diarahkan oleh Majlis dari semasa ke semasa. Terlibat dalam pengilangan, persediaan, pembungkusan, penghantaran, pengangkutan, penyimpanan, penghidangan atau mengendalikan apa-apa bahan makanan untuk jualan atau apa-apa benda yang digunakan atau mungkin digunakan sebagai pembalut atau bekas simpanan bagi makanan.<sup>19</sup>

## **Pengendalian Makanan dan Perkakasan**

Tatacara pengendalian makanan di kedai-kedai makan turut dijelaskan dalam undang-undang. Menurut peraturannya, setiap orang yang menjual atau menyediakan jualan, apa-apa makanan yang biasa dimakan, tidak boleh semasa penjualan atau persediaan itu:<sup>20</sup>

<sup>18</sup> Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007, Undang-undang Kecil 9.

<sup>19</sup> Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007, Undang-undang Kecil 18. Pemeriksaan perubatan; Undang-undang Kecil 18. (1) Mana-mana orang yang bekerja atau terlibat dalam jualan atau persediaan untuk jualan apa-apa benda makanan hendaklah menjalani pemeriksaan perubatan tentang kesihatannya sekurang-kurangnya setahun sekali. (2) Pemeriksaan itu hendaklah dijalankan oleh pegawai perubatan atau kesihatan, yang dilantik berdaftar di bawah Akta Pengamal Perubatan 1971 [Akta 50].

<sup>20</sup> Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007, Undang-undang Kecil 16(1).

- (a) mengendali atau membenarkan pengendalian apa-apa makanan dengan jarinya tetapi hendaklah menggunakan pencedok, penyepit atau perkakas lain yang sesuai bagi maksud sedemikian;
- (b) menyentuh mana-mana bahagian badan sendiri atau orang lain;
- (c) menghembus nafasnya untuk membuka mana-mana beg atau pembalut;
- (d) menyapu tangannya ke atas bajunya atau dengan apa-apa cara selain dengan tuala atau kain yang bersih;
- (e) meletak sehingga menyentuh makanan bagi jualan, apa-apa bahan atau benda yang kotor atau mungkin mencemar makanan itu, atau yang telah disentuh dengan mulut;
- (f) batuk atau bersin berhampiran mana-mana makanan; atau
- (g) melakukan apa-apa perbuatan yang boleh mencemarkan makanan.

Perkara mengenai pengendali makanan sekiranya tidak diperundangkan seharusnya telah menjadi amalan semua pengendali makanan. Hal ini merupakan perkara asas terhadap kebersihan. Pihak berkuasa memperundangkan perkara ini tidak bertujuan menyusahkan pengendali makanan tetapi untuk menjaga kepentingan pengguna agar berasa selamat dengan apa-apa makanan yang dihidangkan kepada mereka.

## **PENGGUNA DAN PERUNDANGAN**

Dengan semua peruntukan perundangan yang sedia ada, kajian ini meletakkan andaian awal bahawa masih ada sebilangan pengguna atau umumnya orang ramai yang seolah-olah tidak ambil peduli mengenai peraturan yang dikaitkan dengan makanan, pembuat, penjual atau cara pengendalian makanan, *establisymen* makanan atau tempat-tempat makan atau premis makanan berkemungkinan atas sebab-sebab yang berikut:

1. Orang ramai tidak tahu mengenai kewujudan peraturan atau undang-undang seumpama itu.
2. Pengendali/ peniaga/penjual/pengusaha tanpa lesen mungkin tidak tahu ada peraturan dan undang-undang yang sedemikian;
3. Peniaga/penjual/pengusaha berlesen tahu tetapi tidak patuh kerana tidak ada penguatkuasaan yang dilakukan.
4. Pihak Berkuasa kemungkinan longgar dalam penguatkuasaan peraturan dan undang-undang.
5. Pihak Berkuasa berkemungkinan menganggap peraturan dan undang-

- undang berkaitan makanan, penyediaan makanan dan kedai makan / premis makanan hanya perkara kecil, dan bukan keutamaan.
6. Pengguna atau orang ramai sengaja, abai atau cuai dalam memenuhi tanggung jawab perundangan.
  7. Pengguna tidak menggunakan hak mereka sebaik mungkin.
  8. Pengguna tiada pilihan selagi tidak ada masalah kesihatan yang berlaku kepada diri mereka.
  9. Pengguna tidak dapat membezakan antara konsep kebersihan menurut pandangan mata kasar dengan konsep kebersihan dari sudut pengertian dan perlindungan perundangan.

## KESIMPULAN

Perbincangan dalam makalah ini mengemukakan kepada pengguna bahawa mereka mempunyai kuasa budi bicara yang luas dalam isu kebersihan yang berkaitan dengan makan, makanan dan pemilihan tempat makan. Undang-undang dan peraturan yang disediakan adalah untuk kebaikan pengguna, dan bukan untuk menimbulkan kesulitan kepada mana-mana pihak. Dalam masa yang sama apa yang diperundangan merupakan sesuatu yang biasa dan selama ini telah menjadi amalan baik yang dilakukan pihak yang berkenaan.

Dua persoalan yang perlu dijawab dalam kajian seterusnya. Sejauh mana orang ramai sebetulnya mengetahui dan sedar tentang perundangan makanan ini? Keduanya, sejauh manakah penguatkuasaan undang-undang telah dilakukan oleh pihak berkuasa bagi memastikan apa yang diperundangan itu akhirnya akan menjadi amalan kebiasaan masyarakat dalam melatih mereka agar mementingkan kesihatan, keselamatan dan kebersihan diri dan alam sekeliling?

## RUJUKAN

- Ahmad Badri Mohamad (ed.), 1987. *Perspektif Persekitaran*. Petaling Jaya. Penerbitan Fajar Bakti.
- Azrina Azlan, Hock Eng Khoo, Muhammad Rizal Razman & Sakina Shaik Yusoff, 2011. "Quality and labeling of mineral in selected bottled mineral water". Kertas kerja International Conference on Consumer Law 2011 – Social Justice and Consumer Law Faculty of Law, UKM, 21 Sept. 2011.
- Codex Alimentarius, 2007. *Food Labeling*. 5th Edition. Rome: World Health Organization, Food and Agriculture Organization of the United Nations.
- Food Handlers (Federal Territory of Putrajaya) By-Laws 2003.

*Guide to Nutrition Labeling and Claims*, 2010. Putrajaya: Ministry of Health, Malaysia.

Make Use of Nutrition Information on Food labels, Ministry of Health, Malaysia.

Malaysian Dietary Guidelines, 2010. *Key Message 14*. Putrajaya: Ministry of Health, Malaysia.

Neil Hawke, 1995. *Environmental Health Law*. London: Sweet & Maxwell.

P. Pratapa Mowli, N.Venkata Subbayya, 1989. *Air Pollution and Control*. India. Geo-Environ Academia Divyayoti Prakashan.

Ramalinggam Rajamanickam, Thiyagu Ganesan & Nitya Ravindran, 2011. "Perspektif Global terhadap Perlindungan Pengguna melalui Undang-undang Keselamatan Makanan". Kertas kerja International Conference on Consumer Law 2011 – Social Justice and Consumer Law, Faculty of Law, UKM, 21st Sept. 2011.

Shamsuddin Suhor, Sakina S.A. Yusoff, Rahmah Ismail, Azimon Abdul Aziz, Kartini Aboo Talib @ Khalid, Muhammad Rizal Razman, 2011. "Kedai Makan dan Perundangan Kesihatan Persekitaran: Kawalan Perundangan Sebagai Suatu Peringatan Umum kepada Amalan Makan di Kedai". Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar, Kali ke-3, anjuran Jabatan Geografi, Fakulti Sains Sosial, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan, 8-10 Februari 2011.

Shamsuddin Suhor, Sakina S.A. Yusoff, Rahmah Ismail, Azimon Abdul Aziz, Kartini Aboo Talib @ Khalid, Muhammad Rizal Razman, 2012. "Undang-Undang dan Tempat Makan: Perundangan yang Diabaikan Pengguna." (2012)1 My.Consum. LJ hal. 127.

Undang-Undang Kecil Pelesenan Establisymen Makanan (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007.

Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (Majlis Daerah Sabak Bernam) 2007.